

Media Title : Utusan Sarawak  
Headline : Maybank Kuching santuni kanak-kanak B40  
Date : 10 September 2024  
Section : Tempatan  
Page : 8



# Maybank Kuching santuni kanak-kanak B40

**KUCHING:** Kakitangan Maybank Group Kuching mengadakan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) baharu mereka iaitu Memperkasakan Masa Depan Kanak-Kanak Miskin (B40) melalui pendidikan di Pusat Aktiviti Kanak-

Kanak Bandar Baru Semariang (PAKK) di sini, semalam.

Menurut satu kenyataan, inisiatif ini melibatkan penajaan alat pendidikan penting kepada pusat tersebut.

"Selain daripada menyumbang

alat pendidikan, para sukarelawan Maybank juga telah mengecatkan dinding PAKK untuk mencipta suasana yang lebih ceria dan mesra di pusat tersebut.

"Projek ini bertujuan mengu-

rangkan jurang dalam peluang pendidikan dan memupuk semangat belajar dalam kalaangan pelajar mereka.

"Inisiatif ini mencerminkan komitmen Maybank dalam menyokong pembangunan pen-

didikan dan kesejahteraan komuniti, khususnya dalam membantu kanak-kanak daripada golongan B40 untuk mencapai potensi penuh mereka," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Dalam pada itu, di seluruh dunia, ahli lembaga pengaruh, pengurusan kanan dan pekerja Maybank terlibat dalam pelbagai inisiatif seperti penubuhan panel solar, sokongan terhadap komuniti pertanian, pengajaran kemahiran hidup, perancangan pusat kitar semula serta penanaman pokok.

Untuk rekod, Hari Maybank Group CR Global yang diperkenalkan pada 2010 untuk memperingati sepuluh tahun perkhidmatan kewangan Maybank, telah melibatkan lebih 10,000 pekerja dan mencerminkan semangat berpasukan dalam program kesukarelawanan global.



PAMER KECERIAAN... Kakitangan Maybank Group Kuching merakam kenangan bersama di Pusat Aktiviti Kanak-Kanak Bandar Baru Semariang (PAKK), Kuching.